



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PENGGUNAAN KAEDEAH BACAAN ULANGAN UNTUK MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NOR KHAIRUNISA BINTI ADNAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGGUNAAN KADEAH BACAAN ULANGAN UNTUK MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS

NOR KHAIRUNISA BINTI ADNAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08/03/2022

#### Student's Declaration:

Saya, NOR KHAIRUNISA BINTI ADNAN, M20162002302 FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGGUNAAN KADEAH BACAAN ULANGAN UNTUK MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

#### Supervisor's Declaration:

Saya DR NORFISHAH BINTI MAT RABI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGGUNAAN KADEAH BACAAN ULANGAN UNTUK MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA MURID PEMULIHAN KHAS dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PENDIDIKAN KHAS.

15 NOVEMBER 2021

Tarikh

Dr. NORFISHAH BINTI MAT RABI  
Jabatan Pengajian Khas  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGgunaan Kaedah Bacaan Ulangan Untuk Membantu KEMahiran Membaca Murid PEMulihan KHAS

No. Matrik / Matric's No.: M20162002302

Saya / I: NOR KHAIRUNISA BINTI ADNAN  
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
- ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
- iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 13/5/2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NORFISHAH BINTI MAT RABI  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Pendidikan Khas  
Fakulti Pendidikan dan Persemaian  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Manusia

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasai berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana tesis ini berjaya disiapkan. Dalam proses penyediaan tesis ini, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan buat individu-individu yang berikut; Dr. Norfishah binti Mat Rabi, pensyarah penyelia yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta kata semangat, Guru Cemerlang Pemulihan Khas negeri Melaka, Jurulatih Kebangsaan Pemulihan Khas negeri Melaka, Ketua Panitia Bahasa Melayu Sekolah Rendah Arab JAIM Merlimau Pasir selaku panel penilai senarai semak pemerhatian, rakan seperjuangan yang setia bersama-sama menyumbang idea dan juga kepada suami, ibu serta ayah yang sentiasa memberi sokongan dan kasih sayang.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyelidiki penggunaan kaedah bacaan ulangan untuk membantu kemahiran membaca murid pemulihan khas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas, mengenal pasti pelaksanaan kaedah bacaan ulangan serta mengenal pasti perubahan terhadap kemahiran membaca yang diperoleh melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan. Reka bentuk kajian adalah kajian kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di Merlimau, Melaka. Peserta kajian ini terdiri daripada lima orang murid pemulihan khas dan seorang guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Peserta kajian telah dipilih secara persampelan bertujuan. Kelima-lima murid merupakan murid pemulihan khas yang menghadapi masalah dalam kemahiran membaca. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Manakala instrumen kajian pula melibatkan borang skor pentaksiran lisan, senarai semak, borang catatan pemerhatian, analisis rekod perkembangan prestasi murid serta protokol temu bual. Pemerhatian dijalankan sebanyak enam kali yang merangkumi satu peringkat baseline dan lima kali sesi kaedah bacaan ulangan. Pengekodan transkrip temu bual dijalankan sebanyak dua kitaran dengan pendekatan deduktif. Proses analisis data dilakukan secara manual dengan menganalisis dan membanding dapatan instrumen kajian secara perbandingan berterusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah bacaan ulangan membantu mengurangkan bilangan perkataan yang salah dibaca oleh murid. Penggunaan kaedah bacaan ulangan juga didapati mengurangkan bilangan masalah kemahiran membaca serta meningkatkan kelajuan bacaan murid. Kesimpulan yang diperoleh daripada kajian ini adalah kaedah bacaan ulangan meningkatkan kemahiran membaca murid pemulihan khas. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah bacaan ulangan menghasilkan kelancaran membaca dalam kalangan murid pemulihan khas.





## THE USAGE OF REPEATED READING METHOD IN ORDER TO HELP THE READING SKILL AMONG REMEDIAL PUPIL

### ABSTRACT

This study aimed to investigate about the usage of repeated reading method in order to help the reading skill among remedial students. The objectives of this study are to identify the problems in reading skill among remedial students, to identify the application of repeated reading method and to identify the changes of reading skill through application of repeated reading method. The design of this study is qualitative with case study approach. This study was conducted in a primary school in Merlimau, Melaka. The participants of this study concisted of five remedial students and a Malay language subject teacher. The participants were selected through purposive sampling. All the five remedial students are having problems in reading skill. The methods used in collecting data were observation, interview and document analysis. While the instruments used were oral test score form, check list, observation notes form, students progress record analysis along with interview protocols. The observation sessions were conducted six times which consisted of a baseline and five sessions of repeated reading methods. The coding of interview transcript were conducted in two cycles using deductive approach. The process of data analysis was conducted manually by analysing and comparing the findings of the research instruments through continuous comparison. The findings of this research showed that the usage of repeated reading method helped to decrease the number of misread words. The usage of repeated reading method also found to decrease the number of reading problems together with the increased reading speed among remedial students. The conclusion gained from this reasearch is repeated reading method improved reading skills of the remedial students. The implication of this research showed that repeated reading method produced reading fluency among the remedial students.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi

### KANDUNGAN

<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.2.1 Program Pemulihan Khas	3
1.2.2 Pencalonan dan penempatan murid ke Program Pemulihan Khas	4
1.2.3 Kemahiran membaca	5
1.3 Pernyataan masalah	8





1.4	Tujuan kajian	11
1.5	Objektif kajian	11
1.6	Soalan kajian	11
1.7	Kerangka konseptual kajian	12
1.8	Kepentingan kajian	16
1.8.1	Murid pemulihan khas	17
1.8.2	Guru Pemulihan Khas	17
1.8.3	Program Pemulihan Khas	17
1.9	Batasan kajian	18
1.10	Definisi operasional	19
1.10.1	Kaedah bacaan ulangan	19
1.10.2	Kemahiran membaca	20
1.10.3	Murid pemulihan khas	20
1.11	Rumusan	20
<b>BAB 2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	22
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Konsep dalam kajian	22
2.3	Teori Automatisiti Dalam Bacaan	23
2.4	Program Pemulihan Khas	26
2.5	Kemahiran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas	28
2.6	Kemahiran membaca Program Pemulihan Khas	29
2.7	Kaedah bacaan ulangan	31





2.7.1	Versi asal kaedah bacaan ulangan	33
2.8	Kajian berkaitan kaedah bacaan ulangan	34
2.9	Murid pemulihan khas	41
2.10	Kaedah bacaan ulangan dan murid pemulihan khas	43
2.11	Rumusan	45
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>47</b>
3.1	Pendahuluan	47
3.2	Reka bentuk kajian	47
3.2.1	Reka bentuk kualitatif	48
3.2.2	Pendekatan kajian kes	50
3.2.2.1	Kajian kes jenis ilustratif	51
3.3	Lokasi kajian	52
3.4	Pensampelan	53
3.4.1	Saiz sampel	56
3.5	Kaedah pengumpulan data	56
3.5.1	Pemerhatian	56
3.5.2	Temu bual	58
3.5.3	Analisis Dokumen	59
3.6	Instrumen kajian	59
3.6.1	Senarai semak pemerhatian	60
3.6.1.1	Kesahan senarai semak pemerhatian	60
3.6.2	Borang catatan pemerhatian	65





3.6.3	Protokol temu bual	65
3.6.4	Rekod perkembangan prestasi murid	65
3.6.5	Borang skor pentaksiran lisan	66
3.6.6	Penggunaan instrumen mengikut objektif kajian	66
3.7	Kajian rintis	67
3.8	Prosedur pengumpulan data	70
3.8.1	Sebelum PdPc kaedah bacaan ulangan dijalankan	74
3.8.2	Semasa PdPc kaedah bacaan ulangan dijalankan	74
3.8.3	Selepas PdPc kaedah bacaan ulangan dijalankan	75
3.9	Prosedur analisis data	75
3.9.1	Analisis senarai semak pemerhatian	75
3.9.2	Analisis borang catatan pemerhatian	76
3.9.3	Analisis respon protokol temu bual	76
3.9.4	Analisis rekod perkembangan prestasi murid	76
3.9.5	Analisis borang skor pentaksiran lisan	77
3.10	Kesahan dan kebolehpercayaan	77
3.11	Rumusan	79
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	80
4.1	Pendahuluan	80
4.2	Profil peserta kajian	81





4.2.1	Peserta A	82
4.2.2	Peserta B	82
4.2.3	Peserta C	82
4.2.4	Peserta D	83
4.2.5	Peserta E	83
4.2.6	Peserta F	84
4.3	Dapatan instrumen kajian	84
4.3.1	Analisis rekod perkembangan prestasi murid	85
4.3.2	Analisis borang skor pentaksiran lisan	86
4.3.3	Analisis senarai semak pemerhatian	89
4.3.4	Analisis borang catatan pemerhatian	91
4.3.5	Analisis protokol temu bual	92
4.4	Masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas	93
4.5	Pelaksanaan kaedah bacaan ulangan dalam kalangan murid pemulihan khas yang mengalami masalah kemahiran membaca	103
4.6	Perubahan terhadap kemahiran membaca murid pemulihan khas melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan	107
4.7	Rumusan	113
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>	114
5.1	Pendahuluan	114
5.2	Ringkasan kajian	114
5.3	Perbincangan dapatan kajian	115





5.3.1	Masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas	116
-------	--	-----

5.3.2	Pelaksanaan kaedah bacaan ulangan dalam kalangan murid pemulihan khas yang mengalami masalah kemahiran membaca	120
-------	--	-----

5.3.3	Perubahan terhadap kemahiran membaca murid pemulihan khas melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan	122
-------	---	-----

5.4	Kesimpulan dapatan kajian	126
-----	---------------------------	-----

5.5	Implikasi dapatan kajian	127
-----	--------------------------	-----

5.5.1	Murid pemulihan khas	128
-------	----------------------	-----

5.5.2	Guru pemulihan khas	128
-------	---------------------	-----

5.5.3	Program Pemulihan Khas	129
-------	------------------------	-----

5.6	Cadangan kajian lanjutan	130
-----	--------------------------	-----

5.7	Rumusan	132
-----	---------	-----

<b>RUJUKAN</b>	134
----------------	-----





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1      32 kemahiran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas	29
3.1      Instrumen kajian mengikut kaedah kajian	60
3.2      Maklumat panel penilai senarai semak	61
3.3      Pengesahan senarai semak oleh panel penilai	61
3.4      Instrumen kajian mengikut objektif kajian	67
3.5      Dapatan kajian rintis	68
3.6      Panjang dan jenis teks megikut peserta kajian	71
4.1      Profil peserta kajian	81
4.2      Kemahiran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas semasa murid	85
4.3      Dapatan borang skor pentaksiran lisan peringkat baseline	86
4.4      Dapatan borang skor pentaksiran lisan sesi pertama kaedah bacaan ulangan	87
4.5      Dapatan borang skor pentaksiran lisan sesi kedua kaedah bacaan ulangan	88
4.6      Dapatan borang skor pentaksiran lisan sesi ketiga kaedah bacaan ulangan	88





4.7	Dapatkan borang skor pentaksiran lisan sesi keempat kaedah bacaan ulangan	89
4.8	Dapatkan borang skor pentaksiran lisan sesi kelima kaedah bacaan ulangan	89
4.9	Rumusan dapatan senarai semak masalah kemahiran membaca dari peringkat baseline hingga sesi kelima kaedah bacaan ulangan	90
4.10	Dapatkan catatan pemerhatian dari peringkat baseline sehingga sesi kelima kaedah bacaan ulangan	91
4.11	Hasil pengekodan temu bual guru Bahasa Melayu	93
4.12	Hasil pengekodan temu bual murid pemulihan khas	93
4.13	Rumusan item senarai semak pemerhatian masalah kemahiran membaca peserta kajian mengikut kekerapan dan peratusan	94
4.14	Rumusan bilangan perkataan yang dibaca salah oleh setiap peserta dari peringkat baseline sehingga sesi kelima kaedah bacaan ulangan	107
4.15	Rumusan peratusan perkataan yang dibaca secara salah dari peringkat baseline sehingga sesi kelima kaedah bacaan ulangan	109
4.16	Rumusan masalah kemahiran membaca dari peringkat baseline sehingga sesi kelima kaedah bacaan ulangan	110
4.17	Masa yang diambil untuk melengkapkan bacaan semasa baseline dan sesi kelima kaedah bacaan ulangan	111





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	12
3.1 Carta alir prosedur pengumpulan data kajian	71
3.2 Carta alir prosedur pengumpulan data kajian	73





## SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca , menulis dan mengira
BPPP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IPP2M	Instrumen Penentuan Penguasaan Membaca dan Menulis
IKAM	Instrumen Kemahiran Asas Matematik
JAIM	Jabatan Agama Islam Melaka
JKP	Jabatan Pendidikan Khas
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
LINUS	Literasi dan Numerasi
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
ProTIM	Program Pemulihan 3M
PROBIM	Program Bimbingan Membaca dan Menulis
PdPc	Pembelajaran dan pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RMKe-6	Rancangan Malaysia Keenam
RMKe-7	Rancangan Malaysia Ketujuh
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SRAMP	Sekolah Rendah Arab JAIM Merlimau Pasir





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

**SABK** Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

**SKM** Sekolah Kurang Murid



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai semak Masalah Kemahiran Membaca
- B Borang Catatan Pemerhatian
- C Borang respon Temu bual
- D1 Hasil pengekodan transkrip temu bual terhadap Guru F mengenai peserta A
- D2 Hasil pengekodan transkrip temu bual terhadap Guru F mengenai peserta B
- D3 Hasil pengekodan transkrip temu bual terhadap Guru F mengenai peserta C
- D4 Hasil pengekodan transkrip temu bual terhadap Guru F mengenai peserta D
- D5 Hasil pengekodan transkrip temu bual terhadap Guru F mengenai peserta E
- D6 Hasil pengekodan transkrip temu bual bersama lima peserta murid





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) menekankan penguasaan kemahiran bahasa dalam kalangan murid. Penekanan terhadap penguasaan bahasa dijelaskan di bawah anjakan kedua PPPM 2013-2025 iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Anjakan kedua PPPM 2013-2025 berhasrat meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris semua murid dengan menjadikan perkara ini sebagai keutamaan segera. Anjakan kedua PPPM 2013-2025 berhasrat memastikan setiap murid, setelah tiga tahun persekolahan akan menguasai 100% literasi asas bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sehubungan itu, Program Pemulihan Khas turut memainkan peranan dalam usaha menjayakan hasrat kementerian memastikan setiap murid mampu menguasai literasi asas bahasa setelah tiga tahun menjalani tempoh persekolahan.





Program Pemulihan Khas digubal untuk murid yang menghadapi masalah mengikuti pembelajaran di kelas aliran perdana (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Masalah kemahiran membaca merupakan salah satu ciri utama yang menjadikan seorang murid dicalonkan ke Program Pemulihan Khas (Jiani, 2015). Murid yang disaring dan dikenal pasti menghadapi masalah kemahiran membaca serta perlu menjalani Program Pemulihan Khas akan dikategorikan sebagai murid pemulihan khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Di bawah Program Pemulihan Khas, murid akan ditempatkan dalam satu kelas yang terdiri daripada murid yang menghadapi masalah kemahiran asas membaca. Di bawah Program Pemulihan Khas, masalah kemahiran membaca murid akan dikenal pasti secara terperinci melalui ujian diagnostik (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Bagi meningkatkan kemahiran membaca, murid pemulihan khas perlu menjalani sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menggunakan pelbagai strategi yang sesuai dengan mereka (Jiani, 2015).



Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang dan pernyataan masalah kajian. Seterusnya bab ini juga akan mengemukakan objektif dan soalan kajian di samping menjelaskan mengenai tujuan serta kepentingan kajian. Bahagian akhir bab ini akan mencadangkan satu kerangka konseptual sebagai asas pelaksanaan kajian.

## 1.2 Latar belakang kajian

Bahagian latar belakang kajian akan menerangkan secara ringkas mengenai Program Pemulihan Khas di Malaysia, pencalonan dan penempatan murid ke Program



Pemulihan Khas, kemahiran membaca serta strategi pengajaran kemahiran membaca di bawah Program Pemulihan Khas.

### **1.2.1 Program Pemulihan Khas**

Program Pemulihan Khas merupakan satu program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program Pemulihan Khas bermatlamat mengatasi masalah keciciran murid dari pembelajaran aliran perdana. Tumpuan utama Program Pemulihan Khas adalah kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (Mohd Zuri & Aznan, 2011). Setiap sekolah rendah di Malaysia telah diarahkan untuk menjalankan Program Pemulihan Khas dan penutupan Kelas Pemulihan Khas hanya boleh dilaksana dengan kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri (Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Perkara ini menunjukkan bahawa Program Pemulihan Khas adalah satu program yang mendapat perhatian daripada pihak kementerian.

Dikelolakan oleh guru khas yang terlatih menjadikan Program Pemulihan Khas adalah satu program intervensi yang sistematik dan terancang dengan baik oleh pihak kementerian. Program Pemulihan Khas direncana dengan matlamat memastikan semua murid menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) kecuali murid berkeperluan khas. Matlamat ini dizahirkan dengan lebih lanjut dengan penetapan tiga objektif iaitu setelah mengikuti Program Pemulihan Khas, murid dapat menguasai kemahiran asas 3M, meneruskan pembelajaran di kelas biasa dan membina keyakinan diri serta bersikap positif terhadap pembelajaran (Bahagian Pendidikan Khas, 2012).

### 1.2.2 Pencalonan dan penempatan murid ke Program Pemulihan Khas

Murid pemulihan khas di Malaysia boleh dicalonkan samada oleh guru kelas, guru mata pelajaran, guru besar dan boleh jadi juga oleh ibu bapa (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Setelah dicalonkan, murid akan menjalani ujian saringan terlebih dahulu bagi mengesahkan kelayakan mereka untuk mengikuti Program Pemulihan Khas.

Kemudian, murid yang disaring dan didapati perlu menjalani Program Pemulihan Khas akan menjalani ujian diagnostik. Ujian diagnostik akan dijalankan oleh Guru Pemulihan Khas bagi mengesan aras kelemahan dan kekuatan murid secara khusus (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Selain ujian diagnostik, ujian pengamatan juga turut dijalankan. Setelah ujian pengamatan dan diagnostik selesai ditadbir dan dianalisis, baharulah murid akan menjalani sesi PdPc pemulihan khas bersama-sama Guru Pemulihan Khas di Kelas Pemulihan Khas. Program Pemulihan Khas menggunakan sistem penarikan keluar. Perkara ini bermakna, apabila tiba waktu Bahasa Melayu dan Matematik, murid pemulihan khas akan dipanggil dari kelas aliran perdana untuk ke Kelas pemulihan Khas bagi menjalani sesi PdPc pemulihan khas. Setelah selesai, murid akan balik semula ke kelas aliran perdana untuk meneruskan pembelajaran mereka terhadap mata pelajaran selain Bahasa Melayu dan Matematik. Proses penarikan keluar ini akan berlangsung dalam satu jangka masa sehingga murid pemulihan khas lulus ujian pelepasan Program Pemulihan Khas.

Pelepasan murid pemulihan khas kembali ke kelas aliran perdana sepenuhnya hanya dilaksana setelah murid lulus ujian pelepasan yang disediakan Guru Pemulihan Khas. Sekiranya lulus, murid akan dikembalikan sepenuhnya ke kelas aliran perdana untuk mengikuti pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik seperti



rakan-rakan mereka yang lain. Walaupun begitu, bimbingan dan pemantauan daripada Guru Pemulihan Khas serta guru kelas tetap diberikan sebagai tindakan susulan pada peringkat awal pelepasan murid ke kelas aliran perdana (Bahagian Pendidikan Khas, 2012). Namun, jika murid gagal ujian pelepasan, murid masih perlu menjalani Program Pemulihan Khas di kelas pemulihan khas.

Pencalonan murid ke Program Pemulihan Khas dibuat berdasarkan beberapa kriteria. Menurut garis panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas yang dikeluarkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2012, dua kriteria utama adalah murid tahap satu yang tidak menguasai konstruk Literasi dan Numerasi (LINUS) dan murid tahap dua yang gagal ujian Instrumen Penentuan Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M) serta Instrumen Kemahiran Asas Matematik (IKAM). Selain daripada itu, antara kriteria lain yang boleh dipertimbangkan adalah bermasalah tingkah laku, pencapaian akademik yang sangat rendah dan tidak menunjukkan perkembangan yang sepatutnya. Kebanyakan murid yang dicalonkan ke Program Pemulihan Khas adalah merupakan murid yang bermasalah dalam kemahiran Bahasa Melayu. Rata-rata mereka menghadapi masalah dalam kemahiran membaca (Roslan & Nurahimah, 2017).

### 1.2.3 Kemahiran membaca

Membaca merupakan satu kemahiran penting dalam menentukan kejayaan seseorang. Kemahiran membaca merupakan proses menterjemah lambang-lambang tulisan kepada lambang-lambang bunyi (Indhumathy Munusamy, 2013). Nurul Hanizah, Puteri Roslina dan Salinah (2018) menyatakan bahawa membaca adalah satu proses yang





kompleks kerana melibatkan penggunaan kemahiran pengamatan, penglihatan, mengingat, mendengar dan membezakan bunyi-bunyi pertuturan secara serentak.

Peringkat awal kemahiran membaca yang baik bermula apabila murid mampu untuk mengecam perkataan secara automatik (Mraz, Nichols, Caldwell, Beisley, Sargent & Rupley, 2013). Murid yang mempunyai kemahiran membaca yang baik ditandai dengan keupayaan menyebut perkataan, membaca kuat dengan ekspresi yang sesuai dan juga mempunyai kefahaman terhadap apa yang dibaca (National Literacy Trust, 2018).

Terdapat pelbagai strategi bagi membantu murid pemulihan menguasai kemahiran membaca. Kaedah abjad dan kaedah suku kata merupakan antara kaedah pengajaran kemahiran membaca yang sangat popular dalam kalangan guru pemulihan khas di Malaysia. Sementara itu, kaedah tunjuk cara bacaan, bacaan berbantu, bacaan luas dan juga bacaan ulangan merupakan antara kaedah bagi mengembangkan bacaan asas kepada peringkat kompetensi bacaan yang lebih tinggi (Rasinski, Paige, Rains, Stewart, Julovich, Prekert, Rupley & Nichols, 2017). Selain itu, kaedah latih tubi dan latihan menggunakan kad imbas adalah antara kaedah yang sinonim bagi penerapan kemahiran membaca asas (Griffin & Joseph, 2015).

Kemahiran membaca dapat membantu murid melakukan pembelajaran dan penerokaan secara kendiri terhadap mata pelajaran lain. Kemahiran membaca menentukan keupayaan murid memahami apa yang dibaca. Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan kesukaran kepada murid untuk mengikuti proses pembelajaran di sekolah (Jiani, 2015). Kaedah-kaedah pengajaran kemahiran membaca seperti kaedah abjad, kaedah suku kata, tunjuk cara bacaan, bacaan berbantu, bacaan





luas, bacaan ulangan dan kaedah fonik digunakan dalam meningkatkan kemahiran membaca bagi murid lemah. Meskipun pelbagai kaedah pengajaran telah digunakan namun masih terdapat murid pemulihan khas yang berdepan dengan masalah kemahiran membaca.

Walaupun begitu, Young, Mohr dan Rasinski (2015) mendapati dalam kajian mereka bahawa kaedah bacaan ulangan dapat membantu kemahiran membaca murid. Kaedah bacaan ulangan yang telah melalui pelbagai peringkat kajian didapati mampu meningkatkan kemahiran membaca. Kaedah bacaan ulangan melalui kajian ilmiah didapati membantu mengembangkan komponen-komponen kemahiran membaca seperti perbendaharaan kata, kelancaran dan kefahaman (Ari, 2014; Damhuis, Segers & Verhoeven, 2015). Berdasarkan penelitian, didapati bahawa kaedah bacaan ulangan sangat membantu murid yang tergolong dalam kalangan pembaca lemah.



Justeru, adalah perlu untuk menjalankan satu kajian kes mengenai masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas. Kajian kes melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen terhadap murid pemulihan khas dan pelaksanaan kaedah bacaan ulangan akan dapat memberi maklumat yang lebih terperinci tentang fokus kajian ini. Maklumat terperinci tersebut merangkumi masalah kemahiran membaca, pelaksanaan kaedah bacaan ulangan serta perubahan yang dialami melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan.



### 1.3 Pernyataan masalah

Murid pemulihan khas yang ditempatkan di Kelas Pemulihan Khas merupakan antara murid yang berdepan dengan masalah kemahiran membaca (Abdul Rasid, NorHashimah & Shamsudin, 2012). Walaupun telah mengikuti Program pemulihan Khas selama dua tahun namun masih terdapat murid pemulihan khas yang menunjukkan masalah dalam kemahiran membaca (Jiani, 2015).

Nor Laila (2014) menyatakan bahawa setiap tahun, masih ada murid yang gagal menguasai bacaan walaupun telah sampai ke tahun enam dan meskipun kemahiran membaca dan aktiviti pemulihan diberi penekanan. Penelitian Nor Laila (2014) dalam kajian kes yang dilaksana mendapati bahawa walaupun murid pemulihan didapati dapat membaca namun terdapat segelintir antara mereka yang tidak lancar membaca. Malahan lebih teruk lagi, terdapat murid pemulihan khas yang didapati begitu sukar menguasai bacaan walaupun apa yang diajar hanya sedikit dan mudah sahaja.

Pencapaian rendah dalam semua mata pelajaran adalah antara masalah lanjutan sekiranya murid menghadapi masalah dalam kemahiran membaca kerana kemahiran membaca bersifat merentas mata pelajaran (Roslan & Nurahimah, 2017). Murid berkemungkinan tertinggal dalam mata pelajaran bahasa, kurang motivasi dan seterusnya berkeyakinan diri yang rendah. Malah, apa yang lebih teruk adalah murid berkemungkinan mula mengasingkan diri dari interaksi sosial berikutan masalah kemahiran membaca yang dihadapi mereka.

Selain daripada itu, antara kesan lain masalah kemahiran membaca juga adalah mereka enggan melibatkan diri dalam proses PdPc, tidak dapat memberi jawapan yang

cepat dan betul, tidak dapat membaca lancar, menulis perkataan secara bercantum atau terlalu jarak, tertinggal huruf, suku kata dan perkataan, tidak dapat membunyikan huruf serta sukar untuk mengeja, susah untuk membina ayat, tiada keyakinan diri, kerja sering tidak kemas, kotor, tidak siap dan tidak lengkap, lambat membuat kerja serta dipandang rendah oleh kawan (Nor Laila, 2014).

Hasil penelitian kajian oleh Roslan dan Nurahimah (2017) mendapati bahawa kaedah pengajaran kemahiran membaca oleh guru Pemulihan Khas merangkumi kaedah atau teknik (a) abjad, (b) sebutan suku kata dan bacaan perkataan bermakna, (c) latih tubi, (d) sifir bahasa, (e) bacaan berfokus, (f) VAKT dan (g) rakam dan tayang. Kajian mengenai kaedah bacaan ulangan dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu masih belum mendapat tempat dalam kalangan penyelidik di Malaysia meskipun kaedah ini didapati mampu membantu murid sekolah menguasai kelancaran membaca (Azizah, 2010). Perkara ini kerana menurut Sikandar, Abdullah dan Raj (2018), pendidikan awal di Malaysia kurang memberi tumpuan terhadap penguasaan kelancaran membaca. Kajian mengenai kaedah bacaan ulangan di Malaysia lebih bertumpu kepada penguasaan bahasa Inggeris seperti kajian oleh Hasimah, Wan Mazlini, Hema dan Budi (2021) serta Sikandar, Abdullah dan Raj (2018). Walaupun kaedah bacaan ulangan telah banyak dikaji di luar negara namun, kaedah bacaan ulangan dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu di Malaysia masih kurang diberi perhatian.

Sebagaimana dinyatakan oleh Rasinski et al (2017) dan Young et al (2014) dalam bahagian latar belakang kajian, kaedah bacaan ulangan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid. Kaedah bacaan ulangan melibatkan proses membaca teks yang sama berulang kali sehingga



murid tidak mempamerkan kesalahan lagi dalam bacaan teks tersebut (Cox, 2018). Bermula dari tahun 1970-an oleh Samuels (1979), kaedah bacaan ulangan terus menjadi subjek kajian oleh pengkaji seluruh dunia.

Kaedah bacaan ulangan merupakan satu strategi efektif dan didapati berkesan meningkatkan kelancaran membaca murid sekolah rendah (Kim, Bryant, Bryant & Park, 2017) dan lebih-lebih lagi bagi murid bermasalah pembelajaran (Stevens et al., 2017). Kaedah bacaan ulangan tidak kurang juga memberi manfaat kepada murid yang menghadapi masalah emosi dan tingkah laku (Morgan, Sideridis, & Hua, 2012). Kaedah bacaan ulangan adalah penting kepada kumpulan murid begini kerana mereka merupakan kelompok yang menghadapi masalah dalam kemahiran membaca berbanding rakan-rakan mereka (Tindal, Nese, Stevens, & Alonzo, 2016; Wanzek, Al Otaiba, & Petscher, 2014).



Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mendapatkan maklumat mengenai masalah dan cara membantu murid pemulihan khas. Maklumat ini termasuklah masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas, pelaksanaan kaedah bacaan ulangan terhadap murid pemulihan khas serta perubahan yang diterima oleh murid pemulihan khas melalui pelaksanaan PdPc menggunakan kaedah bacaan ulangan. Maklumat yang diperoleh ini akan menjadi maklum balas terhadap fokus kajian ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan melihat masalah kemahiran membaca yang dihadapi murid pemulihan khas, pelaksanaan kaedah bacaan ulangan serta perubahan yang diterima mereka setelah melakukan kaedah bacaan ulangan.





## 1.4 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan atas tujuan mengkaji penggunaan kaedah bacaan ulangan untuk membantu kemahiran membaca murid pemulihan khas.

## 1.5 Objektif kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincang, maka objektif kajian ini adalah untuk:


- 1.5.1 Mengenal pasti masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas.
- 1.5.2 Mengenal pasti pelaksanaan kaedah bacaan ulangan dalam kalangan murid pemulihan khas yang mengalami masalah kemahiran membaca.
- 1.5.3 Mengenal pasti perubahan terhadap kemahiran membaca murid pemulihan khas melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan.

## 1.6 Soalan kajian

- 1.5.4 Apakah masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas?
- 1.5.5 Bagaimanakah pelaksanaan kaedah bacaan ulangan dalam kalangan murid pemulihan khas yang mengalami masalah kemahiran membaca?
- 1.5.6 Apakah perubahan terhadap kemahiran membaca murid pemulihan khas melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan?



## 1.7 Kerangka konseptual kajian



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini. Kajian ini dibina berdasarkan Teori Automatisiti dalam Bacaan dan disokong oleh dapatan kajian lepas mengenai kaedah membantu kemahiran membaca murid pemulihan khas. Teori Automatisiti dalam Bacaan dipilih kerana komponen pengulangan yang digunakan bagi menyokong kemahiran membaca adalah selari dengan fokus kajian ini.

Secara umumnya, kesilapan murid semasa membaca dapat dikategorikan kepada kesilapan jenis pengguguran, penambahan, pengulangan, pembalikan dan penggantian (Bastug & Demirtas, 2016). Lima kategori kesilapan ini boleh sahaja wujud semasa murid membaca suku kata, perkataan ataupun ayat. Kesilapan-kesilapan yang telah dinyatakan ini akan mengganggu proses membaca. Kesilapan-kesilapan

yang dinyatakan akan menyebabkan ketidakupayaan mengenal suku kata dan perkataan secara spontan sehingga memberi kesan berlakunya keadaan teragak-agak dalam bacaan. Seterusnya, disebabkan keadaan teragak-agak yang dihadapi murid yang terlibat, mereka digelar sebagai pembaca kurang mahir.

Nor Laila (2014) menyenaraikan 13 jenis masalah yang dihadapi murid pemulihan khas dalam kemahiran membaca. 13 jenis masalah tersebut adalah belum mengenal semua huruf, keliru dengan bentuk huruf kecil, keliru dengan bentuk huruf besar, keliru persamaan bentuk huruf kecil dan huruf besar, tidak memahami konsep huruf kecil dan huruf besar, keliru dengan bunyi huruf itu sendiri, keliru dengan bunyi huruf berbeza, keliru antara bunyi suku kata dengan bunyi sesuatu huruf, keliru antara ejaan dan sebutan yang dihasilkan, sukar membatang suku kata, boleh membunyikan suku kata mudah namun salah mengeja, boleh mengeja namun sukar membaca dengan lancar serta tidak kenal tanda baca.

Berdasarkan kajian Nurul Haniza, Puteri Roslina dan Salinah (2018), murid pemulihan khas sering menghadapi masalah membaca seperti masalah mengenal huruf, membunyikan suku kata, mengeja, membaca perkataan dan membaca ayat mudah. Mereka lebih lanjut menghuraikan masalah murid pemulihan khas contohnya bagi masalah mengenal huruf, murid pemulihan khas sering keliru dengan huruf yang seakan-akan sama bentuknya seperti *b* dan *d*, *j* dan *g*, *i* dan *a*, *t* dan *d*, belum mengenal semua huruf dan tidak faham konsep huruf besar dan kecil. Dalam aspek membunyikan suku kata pula, murid pemulihan khas mudah lupa bunyi suku kata awal dan mereka sukar mengingat suku kata awal yang sudah dibaca apabila tiba waktunya membaca suku kata akhir. Implikasinya, murid-murid pemulihan khas kerap mengagak bunyi

suku kata terakhir sehingga menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengenal pasti huruf, ejaan dan seterusnya perkataan secara cepat dan automatik.

Masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas dalam kajian ini berfokus kepada masalah dalam kemahiran membaca petikan mudah sahaja. Masalah kemahiran membaca petikan mudah dalam kajian ini boleh merangkumi semua atau sebahagian masalah-masalah kemahiran membaca yang didapati dari kajian-kajian di atas. Masalah membaca petikan mudah dalam kalangan murid pemulihan khas dalam kajian ini akan dikenal pasti melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Teori Automatisiti dalam Bacaan menyatakan bahawa manusia mempunyai sumber kognitif yang terhad semasa membaca (Lems, Miller & Soro, 2017). Pembaca mahir menurut Teori Automatisiti dalam Bacaan akan terlibat dengan bacaan yang cepat, tanpa sedar dan automatik. Menurut Teori Automatisiti dalam Bacaan juga, kemahiran membaca yang baik dan lancar dihasilkan menerusi siri latihan yang ekstensif. Pengulangan membolehkan individu terbiasa dengan lambang-lambang bahasa bercetak. Teori Automatisiti dalam Bacaan juga menggelar pembaca lancar sebagai ‘an automatic print processor’ (Morris, 2014).

Kaedah bacaan ulangan merupakan satu kaedah yang mengaplikasikan komponen Teori Automatisiti dalam Bacaan dan digunakan dalam membantu individu memperoleh kemahiran membaca yang baik. Kaedah bacaan ulangan melibatkan murid atau individu membaca teks yang sama beberapa kali (Boyle & Scanlon, 2019). Boyle & Scanlon (2019) turut menyatakan bahawa ulangan bacaan dijalankan sehingga murid berjaya mencapai standard bacaan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan kaedah bacaan

dalam kalangan murid pemulihan khas di sekolah yang terlibat merupakan perkara yang menjadi fokus kajian ini.

Kaedah bacaan ulangan diaplikasi dengan melibatkan pelbagai medium pembelajaran. Terdapat pengkaji yang meneliti kaedah bacaan ulangan dengan menggunakan skrip bercetak (Takashima et al, 2016) dan buku cerita (Edmister & Wegner, 2015). Terdapat juga yang mengaplikasikan kaedah bacaan ulangan dengan menggunakan slaid pada komputer (Gorp, Segers & Verhoven, 2014). Dalam kajian ini, kaedah bacaan ulangan diaplikasi dengan penggunaan medium kad petikan mudah sahaja sebagai bahan bantu belajar.

Terdapat beberapa aspek yang boleh mempengaruhi keberkesanan kaedah bacaan ulangan. Kajian Tyler & Chad (2000) menyatakan bahawa murid yang mengetahui tujuan mereka melakukan ulangan bacaan dalam kaedah bacaan ulangan boleh menjadi salah satu faktor pengaruh keberkesanan kaedah ini. Kajian Guthrie (2017) pula menggariskan elemen tingkah laku sebagai faktor yang boleh memberi kesan terhadap kaedah bacaan ulangan. Manakala kajian McTeer (2020) dan Bae (2016) pula mengetengahkan elemen gaya bacaan yang menjadi faktor pengaruh keberkesanan kaedah bacaan ulangan. Dalam kajian ini, terdapat dua faktor sahaja yang menjadi fokus kajian iaitu faktor gaya bacaan dan tingkah laku murid pemulihan.

Melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan, terdapat beberapa perubahan yang boleh diperhatikan terhadap kemahiran membaca murid. Kajian Rao, Newlin-Haus dan Ehrhart (2016) menyatakan perubahan yang boleh diperhatikan adalah proses ingat semula dan kefahaman terhadap teks. Kajian Sara (2015) pula menilai perubahan kemahiran membaca murid melalui aspek ketepatan menyebut perkataan. Sementara



kajian oleh Gorp, Segers dan Verhoven (2014) menjelaskan perubahan kemahiran membaca seperti peningkatan kelajuan bacaan. Kajian ini hanya melihat perubahan kemahiran membaca seperti bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dan bilangan masalah kemahiran membaca. Aspek kefahaman tidak akan dilihat dalam kajian ini.

Justeru, kajian ini mencadangkan satu kerangka konseptual mengenai penggunaan kaedah bacaan ulangan untuk membantu kemahiran membaca murid pemulihan khas. Diharapkan agar kajian ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan dan menjawab soalan kajian dengan lengkap. Seterusnya, kajian ini juga diharap mampu memberi sumbangan terhadap perkembangan positif murid pemulihan khas di Malaysia khususnya dalam kemahiran membaca dan pencapaian akademik secara amnya.



## 1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini penting untuk dilaksana bagi mengenal pasti masalah kemahiran membaca yang masih dihadapi oleh murid pemulihan khas meskipun telah menjalani Program Pemulihan Khas. Kajian ini juga dapat mengenal pasti perubahan yang dialami oleh murid pemulihan khas melalui pelaksanaan kaedah bacaan ulangan. Dapatan kajian ini dapat digunakan dalam membantu guru pemulihan khas mencuba kaedah bacaan ulangan yang dicadangkan terhadap murid pemulihan khas mereka yang memperlihatkan masalah kemahiran membaca yang sama dengan dapatan kajian. Di samping itu, kepentingan kajian ini turut diuraikan menerusi beberapa pihak yang terlibat seperti berikut.





### 1.8.1 Murid pemulihan khas

Menerusi kajian ini, masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas dapat dikenal pasti secara spesifik. Pengenalpastian masalah secara spesifik membolehkan intervensi sepatutnya diberikan. Dapatkan kajian ini juga berkemungkinan mampu mengurangkan masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas seterusnya membantu mereka meneruskan pembelajaran di kelas aliran perdana.

### 1.8.2 Guru Pemulihan Khas

Kajian ini membuka ruang kepada Guru Pemulihan Khas untuk memperoleh satu set senarai masalah kemahiran membaca murid pemulihan khas. Senarai masalah kemahiran membaca yang disediakan boleh membantu guru mengenal pasti secara khusus masalah murid pemulihan khas. Seterusnya, dapatkan kajian ini juga boleh digunakan oleh Guru Pemulihan Khas sebagai salah satu alternatif dalam mempelbagaikan strategi pembelajaran kemahiran membaca murid pemulihan khas.

### 1.8.3 Program Pemulihan Khas

Jabatan Pendidikan Khas (JPK) merupakan jabatan yang bertanggungjawab merangka garis panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas. Dapatkan kajian ini mungkin dapat membantu pihak JPK menyalurkan maklumat bermanfaat kepada pelaksanaan





Program Pemulihan Khas samada di peringkat kementerian, pejabat pendidikan daerah ataupun sekolah.

### 1.9 Batasan kajian

Kajian ini bertujuan meneliti penggunaan kaedah bacaan ulangan untuk membantu kemahiran membaca murid pemulihan khas. Kajian ini hanya memfokuskan kepada kemahiran membaca petikan mudah sahaja iaitu merujuk kepada kemahiran ke-32 yang digariskan dalam Buku Panduan Pemulihan Bahasa Melayu 2019. Kemahiran ke-32 iaitu membaca petikan mudah melibatkan petikan yang mengandungi mana-mana pola perkataan dalam kemahiran pemulihan bermula dengan kemahiran perkataan KVKV iaitu kemahiran ke-5 sehingga ke kemahiran ke-30 iaitu perkataan digraf. Tiga jenis petikan mudah digunakan dalam kajian iaitu bacaan bergred, petikan pendek dan cerita pendek.

Kajian ini hanya menyentuh pelaksanaan kaedah bacaan ulangan di sebuah sekolah rendah di Merlimau, Melaka sahaja. Justeru dapatan kajian ini tidak menggambarkan pelaksanaan kaedah bacaan ulangan di sekolah-sekolah lain. Kajian ini hanya melibatkan kumpulan berikut sebagai peserta kajian:

- i. Murid tahun dua yang mengalami masalah kemahiran membaca dan sedang mengikuti Program Pemulihan Khas di sekolah kajian. Murid ini juga telah menguasai kemahiran minimum yang ditetapkan iaitu telah menguasai kemahiran membaca perkataan KVKV.





- ii. Satu orang Guru Bahasa Melayu di kelas aliran perdana yang mengajar subjek Bahasa Melayu murid di (i).

Dari aspek pelaksanaan kaedah bacaan ulangan pula, hanya dua perkara yang menjadi fokus kajian ini iaitu gaya bacaan dan tingkah laku peserta.

## 1.10 Definisi operasional

Bahagian definisi operasional akan menghuraikan definisi istilah utama dalam kajian ini. Definisi operasional akan menjelaskan definisi istilah utama bagi skop kajian ini sahaja. Terdapat tiga istilah utama kajian iaitu kaedah bacaan ulangan, kemahiran membaca dan murid pemuliharan khas.



### 1.10.1 Kaedah bacaan ulangan

Kaedah bacaan ulangan melibatkan aktiviti mengulang bacaan terhadap petikan yang sama sehingga mencapai satu tahap kelancaran yang memuaskan (Morris & Grant, 2015; Guerin & Murphy, 2015). Kaedah bacaan ulangan boleh dilaksana secara berbantu dan juga tidak berbantu (Taguci, Gorsuch, Lems & Rosszell, 2016). Kaedah bacaan ulangan dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti membaca petikan yang sama secara berulang kali.





### 1.10.2 Kemahiran membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan untuk mengecam perkataan-perkataan yang bertulis (Resnick, 2016). Kemahiran membaca dalam kajian ini merujuk kepada salah satu kemahiran membaca di bawah kemahiran ke-32 Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas iaitu kemahiran membaca petikan mudah dengan sebutan yang betul. Justeru, kemahiran membaca dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran membaca petikan mudah sahaja. Petikan mudah dalam kajian ini dipecahkan kepada tiga jenis iaitu bacaan bergred, petikan pendek dan cerita pendek.

### 1.10.3 Murid pemulihan khas



Menurut Roslan dan Nurahimah (2017), murid pemulihan khas merujuk kepada murid yang tidak boleh menguasai kemahiran asas bahasa. Nurul Haniza (2017) mendefinisikan murid pemulihan khas sebagai murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas 3M. Murid pemulihan khas dalam kajian ini merujuk kepada murid yang menghadapi masalah dalam kemahiran membaca petikan mudah dan sedang mengikuti Program Pemulihan Khas di sekolah kajian.

## 1.11 Rumusan

Bab pengenalan telah membincangkan mengenai permasalahan kajian serta keperluan menjalankan kajian ini. Di samping itu, kerangka konseptual kajian turut diperjelaskan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

21

sebagai rangka pelaksanaan kajian ini. Istilah-istilah utama kajian juga telah didefinisikan secara operasional.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi